

Rombakan besar bangun KL

- **PTKL 2040 lebih terangkum libat semua rakyat**
- **Sentuh aspek fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar secara holistik**

Oleh **AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Peluncuran Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040) adalah permulaan rombakan besar dalam perancangan pembangunan di ibu negara.

Anwar berkata, pelan itu yang sebelum ini tertangguh lama akibat pandemik Covid-19 kini lebih terangkum dan memenuhi konsep manusiawi seperti yang digariskan di bawah konsep Malaysia Madani.

Malah kata beliau, PTKL 2040 turut mengetengahkan pemikiran baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dan keperluan baharu lain dengan ia turut mengambil kira kepentingan rakyat terutama golongan B40 dan M40.

“Kebiasaannya pembangunan bandar itu meletakkan pembangunan rakyat hanya satu kelompok, terasing dan semua kemudahan atau keselesaan itu tertumpu kepada kelompok tertentu.

“Tiada salahnya pendekatan itu, tapi ia harus lebih terangkum, barulah ada makna manusiawi mengikut falsafah Madani.

“Saya percaya selepas pe-



ANWAR (dua dari kanan) ketika melawat rerual pameran pada Majlis Peluncuran PTKL 2040 di Institut Latihan DBKL, Kuala Lumpur semalam.

luncuran PTKL 2040 ini, bukan saja pegawai dan pimpinan politik tapi korporat serta pengusaha utama dalam membangunkan (Kuala Lumpur) harus mengambil kira (pendekatan ini),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran PTKL 2040 di Dewan Perdana Mustika Institut Latihan DBKL, di sini semalam.

PTKL 2040 ialah dokumen rujukan utama dalam menentukan arah tuju pembangunan Kuala Lumpur yang menyentuh aspek fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar secara holistik.

Pelan ini dirangka bukan sa-

haja untuk menyelesaikan isu hari ini, tetapi juga bersiap siaga menghadapi masa depan termasuk perubahan iklim, pertumbuhan pesat penduduk bandar, kemajuan teknologi serta keperluan kepada mobiliti pintar dan infrastruktur hijau yang berdaya tahan.

Pelan ini menggabungkan 12 prinsip pembangunan termasuk kesesuaian tapak, kemudahan asas, jaringan utiliti dan keharmonian persekitaran bagi memastikan pembangunan baharu tidak membebaskan sistem sedia ada, sebaliknya memperkukuhkannya.

Dalam ucapan itu juga, Anwar

turut mencadangkan supaya semua projek perumahan baharu yang didirikan di ibu negara disyaratkan supaya menggunakan tenaga solar sebagai satu langkah peralihan tenaga.

Menurut beliau, langkah itu merupakan antara syarat-syarat baharu yang terkandung dalam PTKL 2040.

“Rumah-rumah baharu mesti menggunakan solar sebagai syarat baru yang tidak ada dalam peraturan yang sebelumnya.

“Ini akan menjadi pilihan seharian kepada rakyat dan saya percaya bahawa rakyat akan pastikan ia akan menjadi satu kelestarian,” katanya.